

9) PERUMAHAN RAKYAT

Adun : Y.B. Tuan Rosnizan Bin Ahmad (Morib)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah sebenar rumah mampu milik yang telah disiapkan dan diserahkan kepada rakyat di Negeri Selangor setakat ini?

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak Dasar Rumah Selangorku mula diperkenalkan pada tahun 2014, sehingga kini, sebanyak **167 projek dengan 52,750 unit** telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pembeli.

- b) Bagaimanakah kerajaan memastikan harga rumah kekal mampu milik di kawasan berpermintaan tinggi dan memastikan anak tempatan berpeluang memiliki rumah di kawasan sendiri?

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan serta mengawal kenaikan harga rumah tidak terlalu mendadak, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 3.0).

Melalui dasar tersebut, pihak pemaju / pemilik tanah dikenakan syarat untuk membina rumah harga kawalan iaitu Rumah Selangorku berdasarkan kepada keluasan pembangunan dan ianya mengikut Zon / kawasan pembangunan. Untuk kawasan bandar di Zon 1 dan Zon 2 dikenakan syarat 20% Rumah Selangorku bagi pembangunan berkeluasan 5 hingga 10 ekar, 30% bagi pembangunan berkeluasan dari 10 hingga 20 ekar dan penyediaan 40% Rumah Selangorku bagi pembangunan melebihi 20 ekar.

Manakala di kawasan luar bandar iaitu di Zon 3 dan Zon 4, penyediaan Rumah Selangorku hanya dikenakan bagi tanah/ projek yang melebihi 5 ekar sehingga melebihi 40 ekar dengan penyediaan di antara 15% hingga 40%.

Harga jualan Rumah Selangorku 3.0 ini bermula dari RM114,750.00 hingga RM250,000.00 seunit dengan keluasan binaan dari 450 kaki persegi hingga 900 kaki persegi yang terdiri daripada jenis perumahan bertingkat dan bertanah.

Dengan adanya Rumah Selangorku ini, sebanyak 20% hingga 40% perumahan tersebut dapat dikawal harga jualannya secara tidak langsung dapat mengimbangi harga jualan dengan Rumah Harga Bebas yang berdasarkan kepada permintaan pasaran semasa.

Selain itu, pengenalan Rumah Idaman MBI dan Rumah Selangorku Harapan yang merupakan pelengkap kepada Dasar Rumah Selangorku 3.0 yang mana bersaiz minimum 1,000 kaki persegi di bawah harga RM300,000 dapat memperluaskan lagi akses dan pilihan kepada pembeli- pembeli.

Bagi memastikan rumah harga kawalan seperti Rumah Selangorku ini sampai dan dimiliki oleh anak tempatan, pihak LPHS melakukan tapisan melalui Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor (SEPOHON) yang berdasarkan kepada sistem pemarkahan yang telah ditentukan (merit) serta kriteria- kriteria seperti berikut:

- i. Pemohon dan pasangan warganegara Malaysia;
- ii. Berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh pendaftaran;
- iii. Bekerja dan menetap di Selangor/ Kuala Lumpur/ Putrajaya;
- iv. Tidak memiliki sebarang kediaman di negeri Selangor; dan
- v. Had pendapatan bulanan seisi rumah (pemohon dan pasangan) tidak melebihi RM14,500.00.